

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD  
TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 12**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) berapakah Jumlah pelanggan “Radio Frequency Identification (RFID)”;  
dan
- (b) bilakah pelaksanaan pungutan tol di seluruh lebuh raya akan  
menggunakan RFID.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelanggan “Radio Frequency Identification (RFID)” sehingga 30 September 2020 adalah sebanyak **1,267,128 kenderaan kelas 1 (kereta)**. Pelaksanaan keseluruhan (“roll out”) kutipan tol menggunakan teknologi RFID di seluruh lebuh raya bertol di Malaysia adalah dilaksanakan secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kerajaan (melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia, LLM) telah melaksanakan “roll out” sistem kutipan tol teknologi RFID di semua dua puluh tiga (23) lebuh raya sistem tol terbuka bermula pada 1 Januari 2020. Bagi pelaksanaan di lebuh raya sistem tol tertutup, pada masa ini Program Rintis Awam (“Pilot Program”) RFID sedang dilaksanakan di tiga (3) lebuh raya iaitu Lebuhraya Utara - Selatan (PLUS) jajaran Hutan Kampung - Sungai Dua, Lebuhraya Senai - Desaru (SDE) dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE). Pihak Kerajaan/LLM mensasarkan pelaksanaan Program Rintis Awam RFID ini diperluaskan ke Lebuhraya PLUS jajaran Juru – Skudai pada suku ke-3 atau ke-4 tahun 2021.

Walau bagaimanapun perluasan pelaksanaan tersebut adalah bergantung kepada hasil keputusan pelaksanaan Program Rintis Awam RFID di Lebuhraya PLUS jajaran Hutan Kampung – Sungai Dua yang sedang dilaksanakan pada masa sekarang.

Sekian, terima kasih.